

Setahun di bawah pentadbiran Dr. M

Disusun oleh: **ABDULLAH HASSAN**

BERIKUT ialah detik-detik peristiwa yang berlaku dalam masa setahun Datuk Sri **Dr. Mahathir Mohamad** menjadi Perdana Menteri Malaysia.

16 Julai 1981 - Datuk Sri Dr. Mahathir angkat sumpah jawatan sebagai Perdana Menteri.

18 Julai 1981 - Mengumumkan susunan anggota kabinetnya yang pertama.

12 Ogos 1981 - Penggunaan sistem kad perakam waktu di jabatan kerajaan bagi memastikan kakitangan kerajaan datang bertugas mengikut masa yang ditetapkan dan meningkatkan prestasi

kerja mereka.

7 September 1981 - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menguasai 50.4 peratus saham Syarikat Guthrie, salah sebuah syarikat yang terbesar di dunia.

1 Januari 1982 - Permulaan waktu standard Malaysia mulai jam 12.01 pagi dan berjuta rakyat Malaysia memerhati perubahan waktu di jam Bangunan Sultan Abdul Samad di mana waktunya disamakan dengan Sabah dan Sarawak.

1 Februari 1982 - Datuk Sri Dr. Mahathir umumkan Kampung Konggo atau Bandar Baru Ceras sebagai Bandar Tun Abdul Razak.

8 Februari 1982 - Datuk Sri Dr. Mahathir minta Britain menunjukkan persefahaman yang lebih baik terhadap masalah yang dihadapi oleh Malaysia khususnya dalam menyusun semula ekonomi dan membina bangsa Malaysia yang bersatu.

9 Februari 1982 - Dasar memandang ke Timur menjadikan Jepun negara contoh pembangunan untuk diikuti khususnya dari segi perindustrian dan menanam nilai kerja yang betul di kalangan rakyat.

7 Mac 1982 - Datuk Sri Dr. Mahathir umumkan

penubuhan Universiti Islam Antarabangsa di Malaysia tahun depan yang menggunakan Bahasa Inggeris dan Arab.

19 Mac 1982 - Nama Biro Siasatan Negara ditukar menjadi Badan Pencegah Rasuah kerana azam kerajaan menjadikan Malaysia bebas dari dicemari rasuah.

24 Mac 1982 - Skim baru pinjaman perumahan di bawah satu sistem bersepadu membolehkan pembeli rumah murah berharga \$50,000 ke bawah mendapat pinjaman 100 peratus dengan kadar faedah 10 peratus untuk dibayar selama 20 tahun.

22 April 1982 - Pilihanraya kebangsaan - Barisan Nasional memperolehi kejayaan cemerlang dengan mendapat 132 dari 154 kerusi Parlimen dan kejayaannya melebihi kejayaan pilihanraya 1978.

3 Mei 1982 - Pejabat Perdana Menteri terbakar jam 10.45 malam.

6 Mei 1982 - Mesyuarat kabinet yang pertama selepas pilihanraya kebangsaan.

3 Jun 1982 - Perdana Menteri bersetuju memotong gaji sebanyak \$1,000 sebulan sebagai langkah jimat cermat kerajaan berikutan kemelesetan ekonomi dunia yang menjejaskan ekonomi negara.

9 Jun 1982 - Permodalan Nasional Berhad (PNB) menguasai Syarikat Ladang Harrison sebanyak 51 peratus saham. Syarikat ini ialah anak Syarikat Harrison & Crossfield.

10 Jun 1982 - Bekas Exco Kanan Kedah, Datuk Haji Muslim Haji Othman dipenjarakan 1 hari dan denda \$2,000 atau 6 bulan penjara oleh Mahkamah Tinggi kerana didapati melakukan rasuah.

21 Jun 1982 - Pemakaian tandanama, Datuk Sri Dr. Mahathir yang pertama memakainya sebagai memberi contoh yang baik kepada semua pegawai kerajaan.

10 Julai 1982 - Orientasi mendera (ragging) dalam tentera diharamkan dan 2 orang pegawai tentera dipecat kerana terlibat dengan kegiatan mendera.